

24/11/1999

Pembangkok tiada tempat di hati majoriti senyap

RAKYAT Malaysia mana yang tidak mahu kemajuan. Siapa antara rakyat yang tidak mahu pembangunan berterusan? Tidak ada siapa yang ingin melihat berlaku kekacauan, rusuhan kaum atau pergaduhan sesama sendiri di negara yang aman ini. Sebagai rakyat yang setia, kita mempunyai perasaan sayang kepada negara, bangsa dan agama. Semua ini hanya boleh dicapai menerusi kerja kuat berpasukan antara rakyat-kerajaan dan kestabilan politik yang berterusan.

Walaupun rakyat mahukan semua itu yang hanya mampu disediakan oleh Barisan Nasional (BN), tidak bermakna mereka mesti terbabit secara cergas dalam politik. Tidak perlu mereka berebut-rebut menjadi pemimpin parti politik di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan seterusnya peringkat Pusat. Ini agak mustahil kerana tidak semua orang minat politik. Paling mampu dilakukan oleh golongan yang tidak mahu terbabit secara langsung ini ialah memberi sokongan, semangat, hadir mendengar ceramah dan menawarkan diri menghulur tenaga dalam jentera berkempen pada setiap pilihan raya. Sebaliknya, sesetengah mereka kekal berdiam diri dan meneruskan tugas harian masing-masing. Mereka tidak berarak apatah lagi membawa bendera dan sepanduk mengiringi calon ke pusat pengundian. Bagi mereka, cukup sekadar mengikut setiap perkembangan politik sepanjang musim pilihan raya menerusi media massa. Ada yang akan keluar mengundi pada hari ditetapkan manakala lainnya tidak berbuat demikian.

Kita akui majoriti rakyat lebih senang dan selesa bersikap begitu. Namun, hampir dua pertiga rakyat yang dikategorikan sebagai majoriti senyap, sebenarnya tetap mahu BN meneruskan pemerintahan negara berikutan kecemerlangan rekod kerajaan selama ini. Dalam senyap-senyap itu, sesetengah mereka sebenarnya sudah membuat penilaian antara baiknya memilih BN dan keburukan jika memangkah pembangkang. Mereka melihat rekod pembangunan yang dibawa BN sejak Parti Perikatan lagi. Pas dan DAP tidak mempunyai rekod untuk dipilih memerintah manakala Parti Keadilan Nasional (Keadilan) ibarat melukut di tepi gantang. Majoriti senyap sudah membuat keputusan BN perlu kekal berkuasa bagi mewujudkan kesinambungan tradisi membela rakyat.

Melihat rekod kemenangan BN pada setiap pilihan raya lalu, ramai juga kalangan majoriti senyap tidak mahu keluar mengundi walaupun mereka sebenarnya adalah penyokong kuat BN. Ini kerana pada setiap pilihan raya umum, mereka yakin kerajaan sedia ada tetap akan berkuasa. Telahan mereka memang tepat. BN tidak pernah sekalipun kecundang mempertahankan majoriti dua pertiganya.

Bagaimanapun, bagi pilihan raya kali ini, majoriti senyap dilihat semakin mahu tampil menunaikan hak mereka. Kegawatan politik kebelakangan ini secara langsung menarik minat mereka sama ada individu, persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk secara rela hati membuat pengakuan dan berikrar menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, kita yakin ramai lagi golongan majoriti senyap akan keluar mengundi kali ini seterusnya menyanggah apa yang diwar-warkan pembangkang kebelakangan ini. Kehadiran mereka kali ini sekali gus membuktikan dakwaan barisan alternatif bahawa majoriti senyap memihak kepada mereka pada pilihan raya kali ini, meleset sama sekali.

Rakyat tahu pembangkang terpaksa mengemukakan hujah bahawa majoriti senyap di pihak mereka kerana melihat secara fizikal semakin berkurangan sokongan rakyat terhadap barisan alternatif. Jawapan rasional yang

diberikan BN yang semakin diterima rakyat terhadap segala fitnah pembangkang ketika kempen juga banyak membantu perkembangan itu. Lantas, untuk memastikan semangat saki-baki penyokong sedia ada tidak luntur, pembangkang terpaksa mengadakan cerita majoriti senyap masih bersama mereka.

Kemerosotan peratusan rakyat keluar mengundi kerap dikaitkan dengan pudarnya kepercayaan terhadap sistem demokrasi. Bagaimanapun di negara ini, arah aliran seperti itu bukan paradok seperti di Barat. Fenomena di Barat jelas menunjukkan lebih tinggi tahap pendidikan rakyatnya, peratusan yang keluar mengundi kian merosot. Di Malaysia, keadaan ini semakin berubah. Lebih tinggi tahap pendidikan rakyat, kesedaran politik juga meningkat dan ramai yang akan keluar mengundi. Tahap pendidikan tinggi itu juga membolehkan mereka membuat pilihan lebih tepat untuk menilai kebolehan BN dan pembangkang. Jika sebelumnya mereka tidak mengundi kerana pasti BN terus stabil, kali ini mereka akan keluar beramai-ramai memberi kemenangan besar dan seterusnya menghantar isyarat jelas kepada pembangkang bahawa selama ini parti itu tidak pernah mendapat tempat di hati majoriti senyap.

(END)